

10/09/2003

Ulama mesti berani perjelas hukum sesuai dengan zaman

Othman Mamat; Mohd Zin Ali

JOHOR BAHRU: Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad berkata, ulama yang meneliti ajaran Islam melalui al-Quran dan hadis yang sahih perlu membuat penjelasan supaya agama Islam tetap sesuai dengan keadaan pada zaman ini.

Serentak itu, Perdana Menteri berkata, umat Islam tidak boleh mengetepikan bukti jelas yang dibentangkan pada zaman ini, jika mereka menjunjung keadilan yang dituntut Islam.

Secara perbandingan, beliau memberi kiasan mengenai kaedah menunaikan haji pada zaman sekarang, apabila umat Islam tidak lagi menggunakan unta, keldai atau kuda sebagai cara yang mesti dikekalkan sewaktu ke Tanah Suci untuk mengerjakan rukun Islam kelima itu.

"Mustahil al-Quran dan hadis tidak memberi panduan kepada kita jika kita rujuk kepada ayat-ayat dan hadis-hadis sahih yang menjadi punca dan asas ajaran Islam dengan mengambil kira ilmu pada zaman ini.

"Kita tidak boleh kembali ke abad pertama hijrah untuk menjadikan Islam sebagai Ad-din," katanya, merasmikan Majlis Perujian Membaca al-Quran Peringkat Kebangsaan ke-46 di Stadium Majlis Bandaraya Johor Bahru, di sini, malam semalam.

Hadir sama, Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Datuk Seri Abdul Hamid Zainal Abidin; Menteri Besar, Datuk Abdul Ghani Othman; Mufti Johor, Datuk Nooh Gadut dan barisan Exco kerajaan negeri.

Majlis perujian yang masih mengekalkan tema Bersama Menghayati Keindahan Islam, menyaksikan 28 qari dan qariah dari seluruh negara memperdengarkan bacaan ayat suci al-Quran masing-masing.

Setiap negeri menghantar dua wakil iaitu seorang peserta qari dan qariah, kecuali Terengganu dan Kelantan yang menghantar qari saja.

Pemenang tahun lalu, Abdul Ghani Hashim bagi kategori qari dan Umi Kalsom Mohd Zain dalam kategori qariah, turut bertanding sebagai juara menunggu dalam majlis perujian yang berlangsung selama lima hari.

Majlis penutup dan penyampaian hadiah kepada pemenang akan disempurnakan Sultan Johor, Sabtu ini.

Dr Mahathir berkata, pada zaman ini, manusia mempunyai cara saintifik untuk menentukan siapa yang melakukan sesuatu kesalahan, termasuk menggunakan ujian DNA dan cara lain untuk mengenal pasti seseorang pesalah.

"Umpamanya jika anak dilahirkan setelah wanita dirogol mempunyai rupa yang sama dengan perogol, apakah kita akan menolak juga tuduhan terhadap perogol?"

"Apakah adil jika terus menuduh mangsa rogol membuat tuduhan tidak berasas, mengenakan sebatan dan merejam dengan batu kerana melahirkan anak di luar nikah sedangkan pemeriksaan DNA mengesahkan yang dituduh merogol adalah bapa kepada anak berkenaan?"

"Apakah adil hukuman kita? Apakah ia menepati kehendak Islam seperti yang disebut dalam al-Quran iaitu 'apabila kamu hukum, hukumlah dengan adil'?" kata Perdana Menteri.

Dr Mahathir berkata, al-Quran memberi panduan kepada umatt Islam secara menyeluruh supaya agama itu benar-benar menjadi cara hidup, tetapi biasanya banyak ayat dan isi kandungan kitab suci berkenaan tidak mendapat perhatian yang seimbang.

Akibatnya, kata beliau umat Islam tidak mendapat panduan dan nikmat yang sepenuhnya daripada al-Quran.

Tanpa menyebut secara jelas pihak yang dimaksudkan, Perdana Menteri berkata tekanan yang diutamakan adalah kepada ibadat tertentu, seperti solat dan berpuasa yang ditokok dengan banyak amalan lain mengikut mazhab dan fahaman pihak yang membuat tafsiran dan memimpin agama.

Selain itu, katanya tumpuan hanya diberikan kepada ilmu fiqah dan

penentuan tempat wanita dalam masyarakat.

"Yang amat digemari ialah hukum-hukum ke atas orang yang salah terutama wanita, yang dianggap sebagai punca segala keburukan yang berlaku dalam masyarakat," katanya.

Beliau juga kesal kerana bahagian dan ayat al-Quran yang mengutamakan keadilan tidak dianggap sama penting dengan proses pengadilan yang dikehendaki oleh Islam.

Malah, katanya ketentuan bahawa proses pengadilan adalah untuk menentukan keadilan berlaku juga tidak dianggap penting dan kalau pun keadilan tidak berlaku, ia dianggap menepati ajaran Islam kerana proses telah diikuti.

"Soalnya ialah apakah proses atau prosedur tertakluk kepada keadilan atau keadilan tertakluk kepada proses?"

"Al-Quran menegaskan bahawa apabila menghukum, hukumlah secara adil. Tidak ada disebut dalam al-Quran bahawa keadilan tidak penting atau proses penghakiman dan prosedur lebih penting," katanya.